

02/01/1999

Bekas MB perlu kemuka laporan kes

KEPALA BATAS, Jumaat - Nasib bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dalam Umno akan ditentukan hanya selepas beliau mengemukakan laporan lengkap berhubung kes mahkamahannya kepada ibu pejabat Umno.

Menteri Luar merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bagaimanapun, Muhammad berhak memilih sama ada untuk terus aktif dalam parti atau sebaliknya.

Menurutnya, kes Muhammad diputuskan diperingkat Majlis Tertinggi dan kini kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi itu telah selesai dan beliau didapati tidak bersalah.

"Oleh itu, tidak menjadi masalah untuk MT mempertimbangkan semula kedudukannya dalam parti, jika dia (Muhammad) mengemukakan laporan mengenai kesnya yang selesai baru-baru ini," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Sungai Kedak, Penaga dekat sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid.

Naib Presiden Umno itu diberi kebenaran mengambil cuti dan beliau melepaskan jawatan Menteri Besarnya untuk menyelesaikan masalah perundangan yang dihadapi berkaitan tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Bagaimanapun, 29 Disember lalu, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Datuk Abdul Wahab Patail memutuskan pihak pendakwa gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah selepas mendengar keterangan sembilan saksi pendakwaan dan tujuh saksi pembelaan pada 11 hari perbicaraan kes itu.

Mei tahun lalu juga, Muhammad dibebaskan daripada tuduhan gagal mengisytiharkan mata wang asing bernilai A\$1.26 juta (RM2.9 juta) miliknya yang ditemui Kastam Australia di Lapangan Terbang Brisbane ketika hendak berlepas ke New Zealand.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Muhammad boleh aktif semula dalam Umno berikutan keputusan mahkamah yang membebaskannya, Selasa lalu.

Menurut Abdullah, laporan berhubung kes terhadapnya itu perlu untuk dibentangkan dalam mesyuarat MT akan datang sebelum mempertimbangkan kedudukannya dalam Umno.

(END)